

NO. SOALAN : 21

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI
MOHAMAD [LIPIS]**

RUJUKAN : DR023

TARIKH : 29 OKTOBER 2015

SOALAN

Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tindakan Kementerian dalam menangani masalah hakisan pesisir pantai yang kini semakin serius yang telah dianggarkan melebihi 45 peratus daripada pesisir pantai negeri Johor dan adakah kajian impak hakisan terhadap hutan paya bakau telah dilakukan dan apakah program mitigasi yang telah dilakukan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah memulakan Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara sejak tahun 2005. Program ini merupakan satu program nasional yang dilaksanakan secara bersepadu ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan pesisiran pantai negara. Sejak pelaksanaan program ini dari tahun 2005 sehingga 2015, jumlah keseluruhan kawasan yang telah dijalankan penanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di pesisiran pantai di seluruh Malaysia ialah seluas 2571.56 hektar dengan jumlah pokok yang ditanam adalah sebanyak 6,316,297 pokok.

Manakala di negeri Johor, sebanyak 523,079 pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di pesisiran pantai telah ditanam dengan melibatkan kawasan penanaman seluas 206.40 hektar di 36 lokasi penanaman sejak pelaksanaan program ini pada tahun 2005.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN
KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN [AMPANG]**

TARIKH : 29.10.2015 (KHAMIS)

SOALAN : 22

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan dan jumlah perbelanjaan sehingga kini bagi anak-anak Orang Asli di Malaysia .

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

a) Kementerian menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) menyalurkan peruntukan bagi pendidikan anak-anak Orang Asli dari peringkat sekolah rendah , sekolah menengah hingga ke Institusi Pengajian Tinggi di dalam dan di luar negara.

1. Perbelanjaan yang telah dilakukan oleh JAKOA dari tahun 2008 hingga tahun 2014 adalah seperti berikut :

i) Bantuan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah adalah sebanyak **RM 31,371,507.00** yang melibatkan perbelanjaan **bantuan pakaian seragam, pengangkutan ke sekolah asrama, yuran pelbagai, yuran aktiviti, bantuan makanan** dan juga **keperluan diri di asrama** yang telah memberi faedah kepada **41,207** orang pelajar Orang Asli

- Menerusi bantuan ini, ia dapat menarik minat pelajar untuk datang ke sekolah dan menggalakkan pelajar meneruskan pembelajaran dari sekolah rendah ke sekolah menengah di samping dapat meringankan beban ibu bapa bagi menanggung kos pendidikan anak-anak Orang Asli.

Ini terbukti dengan rumusan peratusan jumlah keciciran pelajar sekolah rendah ke sekolah menengah dari tahun 2008 hingga tahun 2014 seperti jadual di bawah

Tamat darjah 6		Daftar Tingkatan 1		Bil Keciciran Murid	Peratus keciciran Murid
Tahun Daftar	Bil Tamat	Tahun Daftar	Bil Daftar		
2008	4423	2008	3018	1405	31.77
2009	4411	2010	3145	1266	28.70
2010	4271	2011	3001	1270	29.74
2011	4091	2012	3046	1045	25.54
2012	4705	2013	3519	1186	25.21
2013	4464	2014	3478	986	22.09

3. Selain bantuan di peringkat sekolah rendah dan menengah, bantuan bagi pelajar Institut Pengajian Tinggi juga disediakan dalam bentuk biasiswa kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pengajian ke peringkat Sijil, Pra-Diploma, Asasi, Matrikulasi Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

Kadar bantuan biasiswa pelajar Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara

Bil	Peringkat Kursus	Kadar Bantuan Setahun (RM)
1	Sijil	1,750.00
2	Pra – Diploma	2,500.00
3	<u>Diploma</u>	
	i. Sastera	8,160.00
	ii. Sains	8,210.00
	iii. Teknologi	8,260.00
	iv. Senibina	8,360.00

Bil	Peringkat Kursus	Kadar Bantuan Setahun (RM)
4	Ijazah <ul style="list-style-type: none"> i. Sastera ii. Sains Tulen iii. Sains Gunaan iii. Teknologi iv. Perubatan 	9,560.00 9,760.00 9,760.00 9,960.00 10,360.00
5.	Luar Negara <ul style="list-style-type: none"> i. Ijazah Sarjana ii. Ijazah Sarjana Muda <p><i>*Kadar sebenar berbeza mengikut peringkat pengajian, bidang dan tempoh pengajian</i></p>	270,000.00 300,000.00

4. Bantuan ini diberi bermula pada tahun 2006 dan masih lagi diteruskan sehingga ke hari ini. Jumlah bantuan yang telah di salurkan bagi pelajar di Institut Pengajian Tinggi dalam negara dari tahun **2006 sehingga tahun 2014** adalah sebanyak **RM 21,480,302.00** melibatkan seramai **3,865 orang pelajar**.